Nama :..... Tingkatan :.....

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018
# BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 1103/1
# Kertas 1
# Ogos 2018

**2 ¼ jam** **Dua jam lima belas minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi* **dua** *bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

Koleksi www.bmspm.net

2. *Jawab soalan* **Bahagaian A** *dan* **satu** *soalan daripada* **Bahagian B.**

3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.



**1103/1** © 2018 Hak Cipta Terpelihara

Scanned by CamScanner

## BAHAGIAN A

[30 markah]

[*Masa dicadangkan* : 45 *minit*]

*Carta di bawah menunjukkan sebahagian daripada kelebihan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT)* . *Huraikan pendapat anda tentang* **kelebihan melanjutkan pelajaran ke IPT**. *Panjangnya huraian hendaklah antara* **200 hingga 250 patah perkataan.**

**KELEBIHAN MELANJUTKAN PELAJARAN KE IPT**



Peluang pekerjaan yang luas

Mendapat kepercayaan masyarakat

Mempunyai pendapatan yang tinggi



Scanned by CamScanner

## BAHAGIAN B

[100 markah]

[*Masa dicadangkan* : 1 *jam* 30 *minit*]

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Bakat dan potensi diri remaja perlu digilap sejak di bangku sekolah.

   Nyatakan cara-cara yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah bagi mencungkil bakat dan potensi remaja.

2. Amalan nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti sikap prihatin, bertanggungjawab, toleransi, amanah dan lain-lain mampu melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera.

   Jelaskan pernyataan di atas.

3. Anda ingin menyertai pertandingan syarahan yang dianjurkan oleh Persatuan Bahasa Melayu sempena Bulan Bahasa peringkat sekolah. Tajuk syarahan anda ialah 'Sektor Pelancongan Menjana Pendapatan Negara".

Koleksi www.bmspm.net

   Tulis teks syarahan anda selengkapnya.

4. Penjagaan alam sekitar dalam sesebuah negara mampu mengelak bencana alam seperti banjir, jerebu, kemarau dan tanah runtuh.

   Bincangkan peranan masyarakat negara serantau untuk menjaga alam sekitar bagi mengelak berlakunya bencana alam.

5. *Jikalau ilmu tiada sempurna*
   *Tiada berapa ia berguna*

   Petikan gurindam di atas membawa maksud sekiranya ilmu yang dituntut tidak mencukupi, ilmu tersebut tidak mendatangkan manfaat kepadanya .

   Selain tidak mendatangkan manfaat, jelaskan masalah-masalah yang bakal dihadapi oleh seseorang sekiranya kekurangan ilmu pengetahuan.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**



1103/1 © 2018 Hak Cipta Terpelihara

Scanned by CamScanner

Nama :..... Tingkatan :.....

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

# PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2018
# BAHASA MELAYU TINGKATAN 5 1103/2
# Kertas 2
# Ogos 2018

**2 ½ jam** **Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **empat** *soalan.*

Koleksi www.bmspm.net

2. *Jawab* **semua** *soalan.*

3. *Jawapan bagi* **soalan 2** (*b*), **soalan 2** (*c*), **soalan 2** (*d*) *dan* **soalan 4** *berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*

4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman tidak bercetak.



**1103/2** © 2018 Hak Cipta Terpelihara

Scanned by CamScanner

**Soalan 1 : Rumusan**

[ 30 markah ]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang* **usaha-usaha membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat** dan **kekangan yang dihadapi**. *Panjangnya rumusan hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Sejak kita melangkah ke era teknologi dan modenisasi, sebahagian besar masyarakat telah melupakan aktiviti sukan sedangkan umum mengetahui bersukan memberi banyak faedah kepada tubuh badan manusia. Budaya hidup bersukan dalam kalangan rakyat di negara ini masih rendah iaitu pada kadar 40 peratus sahaja berbanding dengan 50 hingga 60 peratus di negara-negara maju, justeru, Hari Sukan Negara diperkenalkan sebagai satu program tahunan dalam usaha berterusan kerajaan menggalakkan rakyat menerapkan budaya hidup sihat, cergas dan aktif. Lima objektif utama program ini iaitu menerapkan budaya sukan dan memupuk semangat perpaduan dalam kalangan rakyat, membangunkan ekonomi negara melalui industri sukan, meningkatkan pengetahuan sukan untuk rakyat serta mengiktiraf rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti membangunkan sukan di *peringkat akar umbi*, usaha ini mesti diberi sokongan. Program yang berkonsepkan sukan dan beriadah yang 'murah, mudah dan menarik' ini sangat bertepatan dengan moto 'Sukan Untuk Semua'.

Aktiviti bersukan dan beriadah mampu mengeluarkan peluh yang sangat membantu menurunkan kadar penyakit kronik dalam kalangan penduduk. Dalam keadaan rakyat Malaysia diancam dengan macam-macam jenis 'penyakit jadian sendiri' yang berpunca daripada pemilihan gaya hidup tidak sihat, kesedaran terhadap kepentingan bersukan ini perlu digerakkan secara agresif. Malaysia perlu mempunyai penduduk yang sihat dan tinggi kesedaran tentang penjagaan kesihatan dalam memasuki era negara maju. Sesiapa sahaja boleh memilih untuk menceburi bidang sukan yang mereka rasa bersesuaian mengikut kemampuan masing-masing. Sebenarnya, aktiviti bersukan dan beriadah tidak membebankan dan memerlukan kos yang tinggi. Sesiapa sahaja boleh melakukan aktiviti sukan dan beriadah pada bila-bila masa dan secara konsisten. Maka, kemudahan atau kelengkapan sukan yang berkonsepkan mudah, murah dan menarik itu mesti ada di persekitaran tempat tinggal mereka. Bagi memastikan konsep bersukan sedemikian dapat diperluas, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan kemudahan untuk tujuan bersukan itu sentiasa mencukupi. Peralatan dan kemudahan bersukan sedia ada di taman-taman awam, padang permainan, taman rekreasi atau pusat-pusat sukan untuk orang ramai perlu diganti dengan peralatan terkini yang sesuai dengan perkembangan sukan semasa dan diselenggara dengan baik.

Kemudahan ini secara tidak langsung akan menggalakkan lebih ramai penduduk atau kumpulan kurang berkemampuan mengambil bahagian dalam aktiviti bersukan ini. Syarikat - syarikat swasta yang kaya-raya boleh mengambil bahagian dalam membina atau menyediakan kemudahan sedemikian dengan menjadikannya sebagai satu daripada program tanggungjawab sosial korporat masing-masing. Kementerian Belia dan Sukan tidak

Koleksi www.bmsprm.net



1103/2 © 2018 Hak Cipta Terpelihara

Scanned by CamScanner

seharusnya dibiarkan bersendirian dalam menjayakan satu program yang banyak memberi faedah kepada perkembangan sukan negara dan seterusnya melahirkan rakyat yang sihat menerusi aktiviti bersukan.

(Dipetik dan diubah suai daripada"*Hari Sukan Negara* "
Oleh Rizalman Ismail, *Utusan Malaysia*, 8 Oktober 2016)

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud rangkai kata *peringkat akar umbi.* [2 *markah*]

(ii) Nyatakan tujuan utama Hari Sukan Negara diwujudkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Koleksi www.bmspm.net

[3 *markah*]

(iii) Sekiranya anda ketua guru rumah sukan, apakah langkah yang akan anda ambil untuk memastikan semua murid terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan di sekolah?

[4 *markah*]



1103/2 © 2018 Hak Cipta Terpelihara

Scanned by CamScanner

**Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden**

*Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Kegelisahan diriku mencairkan kesabaran sang guru lalu terlarik segera soalan : "Aqil,cuba awak kaitkan Teori Graviti dengan alam sejagat".

Nama sebenar murid lelaki yang bernama Aiman itu ialah Aiman Aqil.Dia bangga akan nama itu,nama yang diberikan sebaik-baik sahaja rengekan pertama memecah kesunyian di bilik bersalin. Pada ketika itu, Sang Suria memuncaki ubun-ubun.

Betapa tak bangganya? Aiman bermaksud insan yang beriman. Aduh, terukir senyuman lebar menabiri wajahnya! Aqil pula bermakna yang berakal.Insan dianugerahi akal untuk berfikir secara rasional dan matang, berbeza daripada haiwan. Kebanggaannya kian menguntum dan terkelopak kembang mawar mewangi menyentuh deria penghiduan.

"Objek yang terlambung di udara pasti akan jatuh ke bumi kecuali tersangkut di dahanan utuh atau reranting teguh". Ketawa berderai meriuhkan suasana kelas.

Perlahan-lahan Aiman bangun . "Newton ambil ingatan akan daya graviti dapat menetapkan kedekatan bulan dan bumi". "Maksudnya?" Satu lagi pertanyaan terlantun daripada Cikgu Faridah ,yang menggelari dirinya profesor, kerana didepaninya murid pintar dan mempunyai IQ yang tinggi.

"Alam semesta sebaik-baik kejadian di sisi Allah Taala." Riuh gemuruh terus berterusan menyambut jawapan ringkasnya.

Wajah Cikgu Faridah spontan berubah,memercikkan darah amarah yang nampaknya macam tidak terkawal, tidak terbatal, sedar akan hakikat itu, cepat-cepat Aiman membetulkan jawapannya.

Koleksi www.bmspm.net

" Kuasa graviti yang lebih besar dan kuat itu, menetapkan semua planet dalam sistem suria pada kedudukan orbit masing-masing."

(Dipetik daripada cerpen Hipertensi oleh Illias Zaidi dalam antologi Sejadah Rindu, Dewan Bahasa dan Pustaka)

(i) Apakah maksud disebalik nama Aiman Aqil? [2 *markah*]

(ii) Sains dan Teknologi merupakan pemangkin kemajuan sesebuah negara. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk meningkatkan minat remaja dalam bidang Sains dan Teknologi. [3 *markah*]

(iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan di atas dan **satu** lagi nilai kemanusiaan yang terdapat dalam keseluruhan cerpen . [4 *markah*]



Scanned by CamScanner

**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti,kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, "Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi."

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu *terlalu gemuruh bahananya*. Maka Laksamana pun tahulah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, "Teririk bangkai pula aku ini!"

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, "Ceh, mati engkau olehku!"

Dipetik daripada "Kepimpinan Melalui Teladan" dalam antologi Jaket Kulit Kijang dari Istanbul, Dewan Bahasa dan Pustaka

Koleksi www.pmspm.net

(i) Berikan maksud rangkai kata *terlalu gemuruh bahananya*.

[2 *markah*]

(ii) Nyatakan reaksi Laksamana apabila Kertala Sari tertendang kakinya

[3 *markah*]

(iii) Sekiranya anda Laksamana, apakah strategi lain yang akan anda lakukan untuk menewaskan Kertala Sari.

[3 *markah*]



1103/2 © 2018 Hak Cipta Terpelihara

Scanned by CamScanner

**Soalan 2 (d) - Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**Erti Hidup Bererti**

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Koleksi www.bmspm.net

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

**Teo Wei Sing**
Antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia



Scanned by CamScanner

(i) Berdasarkan rangkap kedua, apakah peristiwa yang berlaku kepada penyajak?
[2 *markah*]

(ii) Seorang ibu boleh menjaga sepuluh orang anak tetapi sepuluh orang anak belum tentu dapat menjaga seorang ibu.
Pada pendapat anda, mengapakah anak-anak mengabaikan tanggungjawabnya terhadap ibu bapa apabila mereka sudah tua?
[ 3 *markah* ]

(iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak di atas?
[ 4 *markah* ]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 *markah*]

Jawab **semua** soalan

(a) *Tulis **satu ayat** bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Koleksi www.bmspm.net

(i) keluar
(ii) terkeluar
(iii) mengeluarkan
(iv) gantung
(v) tergantung
(vi) menggantungkan

[ 6 markah ]

(b) *Gabungkan ayat-ayat di bawah ini supaya menjadi **tiga ayat** sahaja dengan menggunakan kata hubung yang sesuai tanpa mengubah maksud dan struktur asalnya.*

Penubuhan institut pertanian berjaya mendidik pekerja mahir dalam sektor pertanian. Penubuhan institut pertanian berjaya mendidik pekerja separa mahir dalam sektor pertanian. Graduan pertanian ini perlu bekerja sendiri. Graduan pertanian ini perlu menjadikan bidang pertanian sebagai sumber pendapatan. Mereka mesti berfikiran terbuka. Mereka dapat memajukan bidang pertanian negara.

[ 6 *markah* ]



1103/2 © 2018 Hak Cipta Terpelihara

Scanned by CamScanner

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat* **satu kesalahan ejaan** *dan* **satu kesalahan dari segi imbuhan**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Dalam kontek pendidikan di negara ini, guru pengaruhi keberkesanan pembelajaran murid.

(ii) Kementerian Pendidikan menyatakan bahwa lulusan Kolej Vokasional perlu merebut peluang untuk bersaing dalam industri perkerjaan dan menjadi pemangkin kepada negara berpendapatan tinggi.

(iii) Ketokohan Aminuddin Baki, Bapa Pendidik Negara di iktiraf pada peringkat antarabangsa sebagai perancang pendidik yang bijaksana dan berpandangan jauh di Asia oleh UNESCO.

[6 *markah*]

*(d) Dalam ayat-ayat di bawah terdapat* **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** *dan* **satu kesalahan bahasa**. *Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Melalui Dasar Perindustrian Negara, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) telah melahirkan industrialis-industrialis berwibawa yang dapat memainkan peranan baik dalam usaha Malaysia untuk menjadi sebuah negara industri.

Koleksi www.bmspm.net

(ii) Aplikasi perbankan Islamik mula diadakan di Malaysia setelah mendapat kelulusan dari Bank Negara pada 1 Jun 2000.

(iii) Goreng keladi menjadi kudapan kegemaran Badrul dan keluarganya bila pulang ke kampung.

[6 *markah*]

(e) *Berikan* ***maksud*** *peribahasa di bawah.*

(i) cakar ayam

(ii) sambil menyelam minum air

(iii) seperti kera mendapat bunga

[6 *markah*]

 © 2018 Hak Cipta Terpelihara



Scanned by CamScanner

**Soalan 4 : Novel**

[15 *markah*]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut :

(i) *Jendela Menghadap Jalan* karya Rohaini Matdarin
(ii) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
(iii) *Disebalik Dinara* karya Dayang Noor
(iv) *Pantai Kasih* karya Azman Nordin
(v) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
(vi) *Tirani* karya Beb Sabariah
(vii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman
(viii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop

| Nama Watak Sampingan | Novel |
|---|---|
| Danel | Jendela Menghadap Jalan |
| Pak Saidi | Leftenan Adnan Wira Bangsa |
| Azraai | Disebalik Dinara |
| Doktor Uwang | Pantai kasih |
| Embong | Songket Berbenang Emas |
| Raidah | Tirani |
| Tauke Ong | Silir Daksina |
| Muhammad Taufik | Bimasakti Menari |

Koleksi www.bmspm.net

4 (a) Watak sampingan mempunyai peranan penting dalam perjalanan sesebuah cerita. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** perwatakan satu watak sampingan yang terdapat dalam jadual di atas.

[7 *markah*]

4 b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, nyatakan perasaan anda ketika membaca pada bahagian peleraian novel tersebut. Berikan alasan anda.

[8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

 © 2018 Hak Cipta Terpelihara 

Scanned by CamScanner